

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN WONG HON WAI [ BUKIT BENDERA ]**

**SOALAN :**

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan sama ada pindaan terhadap Akta Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan 2006 akan dibuat supaya pelajar-pelajar di ASWARA mempunyai kebebasan berpolitik yang sama seperti IPTA dan IPTS sejajar dengan pindaan 3 Akta pada sidang Dewan Rakyat pada Disember 2018.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ini melalui Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) sedang mengkaji secara terperinci berkenaan pindaan peruntukan yang berkaitan dengan isu kebebasan berpolitik di kalangan para pelajar. Buat masa ini, Seksyen 21, Akta Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan 2006 (Akta 653) memperuntukkan berkenaan larangan penyekutuan pelajar atau pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar dengan parti politik, kecuali dengan kelulusan bertulis Menteri.

Sekian, terima kasih.